



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

PENGANJURAN MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN TENAGA ASEAN (SOME) KE-43 PERKUKUH VISI BERSAMA ASEAN KE ARAH MASA DEPAN TENAGA MAMPAN

KUCHING, 18 Jun 2025 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), selaku Pengerusi Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Tenaga ASEAN (SOME) ke-43, pada hari ini telah berjaya menyempurnakan siri dialog tenaga peringkat tertinggi dengan penganjuran tiga mesyuarat penting di Hotel Sheraton, Kuching. Penganjuran ini menandakan kemajuan signifikan dalam memperkukuh kerjasama serantau dan menjayakan visi bersama ASEAN ke arah masa depan tenaga yang mampan, selamat dan bersepadu.

Mesyuarat hari ketiga ini dimulakan dengan dialog antara wakil pegawai kanan dari Negara-Negara Anggota ASEAN (AMS) dengan tiga rakan dialog utama, iaitu China, Jepun dan Republik Korea di bawah Mesyuarat SOME+3 *Energy Policy Governing Group* (EPGG) ke-24. Mesyuarat ini mengambil maklum kemajuan pelaksanaan ASEAN *Plan of Action for Energy Cooperation* (APAEC) Fasa II (2021–2025), di samping membincangkan hala tuju awal bagi penyediaan APAEC (2026–2030). Negara anggota turut berkongsi perkembangan terkini bagi inisiatif bersama, khususnya dalam aspek pelaksanaan tenaga boleh baharu, keselamatan tenaga dan penggunaan tenaga nuklear secara aman.

Seterusnya, Dialog Tenaga ASEAN-European Union (EU) kali ke-3, yang memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh hubungan tenaga antara ASEAN dan EU dalam bidang tenaga. Sesi ini menampilkan pembentangan dasar dari kedua-dua pihak, termasuk sokongan EU terhadap pelaksanaan ASEAN Power Grid dan integrasi tenaga boleh baharu. Antara bidang kerjasama utama yang dibincangkan termasuk pengukuhan perdagangan elektrik rentas sempadan, peningkatan kecekapan tenaga di kawasan bandar dan pelaksanaan ASEAN-EU *Energy Cooperation Work Plan* bagi tempoh 2025–2026. Pelan kerja ini merangkumi inisiatif utama seperti *ASEAN Green Initiative* dan *Sustainable Connectivity Package* (SCOPE). Kedua-dua pihak turut menzahirkan komitmen bersama untuk terus memperkukuh kerjasama jangka panjang ke arah membangunkan sistem tenaga rendah karbon dan berdaya tahan.

Perbincangan pada hari ini diakhiri dengan mesyuarat *Special Governing Council Meeting of the ASEAN Centre for Energy* (ACE) yang dipengerusikan oleh Malaysia. Mesyuarat tertutup ini dihadiri oleh semua Negara Anggota ASEAN dan menyaksikan kelulusan Laporan Kewangan Beraudit ACE bagi tahun 2024. ACE turut membentangkan perkembangan pelaksanaan Pelan Kerja 2025, termasuk kemajuan awal dalam pembangunan rangka kerja subsidi tenaga boleh baharu. Persiapan bagi ASEAN *Energy Business Forum* (AEBF) 2025 turut dibincangkan, dengan tumpuan kepada usaha menggalakkan pelaburan hijau dan inovasi teknologi. Malaysia turut menekankan peranan penting ACE sebagai pemacu utama dalam menyokong agenda peralihan tenaga di peringkat serantau.

Hasil mesyuarat-mesyuarat yang telah berlangsung sepanjang tiga hari penganjuran ini akan menyumbang secara langsung kepada agenda Mesyuarat ASEAN *Ministers on Energy* (AMEM) yang dijadualkan pada Oktober 2025 di Kuala Lumpur. Pencapaian yang dirumuskan melalui mesyuarat pada kali ini merupakan langkah penting ke arah merealisasikan matlamat jangka panjang ASEAN dalam aspek keselamatan tenaga, kelestarian dan daya tahan ekonomi. Ia turut mengukuhkan kepentingan dialog inklusif dan kerjasama pelbagai hala

dalam membentuk landskap tenaga serantau yang lebih hijau dan bersepadu.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
18 JUN 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA

PETRAMALAYSIA

